

**NO SOALAN : 463**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]**

**SOALAN NO. 463**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang telah dilulus, sedang dibina dan telah siap serta jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan setakat ini. Apakah masalah yang dihadapi oleh PR1MA sekarang dan langkah transformasi PR1MA yang akan dilaksanakan oleh Kementerian supaya program PR1MA ini mencapai matlamat penyediaan rumah pada harga berpatutan kepada kumpulan M40.

**NO SOALAN : 463**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2019, jumlah kediaman PR1MA yang sedang dibina ialah 43,137 unit, siap dibina ialah 12,999 unit dan telah dijual ialah 8,834 unit. Semasa "*Home Ownership Campaign*" (HOC), PR1MA telah merekodkan tempahan sebanyak 13,394 unit.
2. PR1MA komited memenuhi mandat Kerajaan dalam menyediakan lebih banyak rumah mampu milik yang berkualiti khususnya untuk golongan berpendapatan sederhana (M40).
3. PR1MA kini dalam proses transformasi sebagai persediaan penubuhan agensi perumahan tunggal di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Program transformasi ini merangkumi kajian semula perancangan projek-projek perumahan PR1MA, perlaksanaan program penjualan perumahan secara agresif seiring dengan kempen HOC oleh Kerajaan, serta memperbaiki kedudukan kewangan PR1MA.

Sekian, terima kasih.